



13 Mei 2011  
13 May 2011  
P.U. (A) 162

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN  
NEGARA BAHRAIN) (PINDAAN) 2011

DOUBLE TAXATION RELIEF  
(THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF BAHRAIN)  
(AMENDMENT) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
DAN  
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN NEGARA BAHRAIN) (PINDAAN)  
2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Negara Bahrain) (Pindaan) 2011**.

**Pelepasan cukai dua kali**

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Bahrain dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Bahrain (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PROTOKOL MEMINDA PERJANJIAN  
ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN NEGARA BAHRAIN  
BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL  
BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN YANG DITANDATANGANI DI  
KUALA LUMPUR PADA 14 JUN 1999**

**KERAJAAN MALAYSIA  
DAN  
KERAJAAN BAGI KERAJAAN BAHRAIN**

Berhasrat untuk meminda Perjanjian antara kedua-dua Kerajaan bagi Pengelakan Pencukaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan Cukai atas Pendapatan yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 14 Jun 1999 (kemudian daripada ini disebut "Perjanjian"),

Telah bersetuju seperti yang berikut:

**Perkara 1**

Bahawa mulai 14 Februari 2002, Negara Bahrain dikenali sebagai Kerajaan Bahrain.

**Perkara 2**

Perkara baru yang berikut hendaklah dimasukkan selepas Perkara 27 (Tatacara Persetujuan Bersama) dalam Perjanjian:

*"Perkara 27A*

*PERTUKARAN MAKLUMAT*

1. *Pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat yang dijangkakan berkaitan bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau dengan pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang domestik berkenaan dengan semua jenis dan perihalan cukai yang dikenakan bagi pihak Negara-Negara Pejanji, setakat yang pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian. Pertukaran maklumat ini tidak disekat oleh Perkara 1 dan 2.*

2. *Apa-apa maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji di bawah perenggan 1 hendaklah dianggap sebagai rahsia mengikut cara yang sama sebagaimana maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah dizahirkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran) yang terlibat dengan penaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan pemutusan rayuan berhubung dengan cukai yang disebut dalam perenggan 1, atau pengawasan tentang di atas. Orang atau pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh menzahirkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Walau apa pun yang terdahulu, maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji boleh digunakan bagi maksud lain apabila maklumat tersebut boleh digunakan bagi maksud lain di bawah undang-undang kedua-dua Negara dan pihak berkuasa berwibawa Negara itu memberi kuasa penggunaan sedemikian.*

3. *Peruntukan dalam perenggan 1 dan 2 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai mengenakan obligasi ke atas suatu Negara Pejanji:*

- a) *untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;*
- b) *untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;*
- c) *untuk membekalkan maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang penzahirannya akan bertentangan dengan dasar awam (ordre public).*

4. *Jika maklumat yang diminta oleh suatu Negara Pejanji mengikut Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah-langkah pengumpulan maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta, walaupun Negara yang satu*

*lagi itu tidak memerlukan maklumat itu bagi maksud pencukaiannya sendiri. Obligasi yang terkandung dalam ayat yang terdahulu adalah tertakluk kepada pengehadan dalam perenggan 3 tetapi pengehadan itu tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat hanya kerana ia tiada kepentingan domestik ke atas maklumat itu.*

5. *Peruntukan perenggan 3 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat hanya kerana maklumat itu dipegang oleh bank, institusi kewangan lain, penama atau seseorang yang bertindak atas sifat agensi atau fidusiari atau kerana ia berkaitan dengan kepentingan pemunyaan seseorang.”*

### **Perkara 3**

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memaklumkan Negara yang satu lagi melalui saluran diplomatik tentang penyempurnaan tatacara yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Protokol ini yang menjadi sebahagian daripada Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang terkemudian daripada pemberitahuan ini, dan peruntutannya hendaklah berkuat kuasa 30 hari selepas tarikh pemberitahuan yang terkemudian.

2. Protokol ini hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa apabila tiba waktu di mana Perjanjian itu terhenti berkuat kuasa mengikut Perkara 30 Perjanjian.

**PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS**, yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

Dibuat dalam dua salinan di Manama pada 14 haribulan Oktober 2010, dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris, kesemua teks sama sahnya. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Protokol ini, antara mana-mana teks, teks bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

**BAGI PIHAK KERAJAAN  
MALAYSIA**

**BAGI PIHAK KERAJAAN BAGI  
KERAJAAN BAHRAIN**

Dibuat 9 Mei 2011  
[Perb:0.6869/55 Vol.2 (SK.3); PN(PU2)80A/XVI]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]*

INCOME TAX ACT 1967  
AND  
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF  
(THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF BAHRAIN) (AMENDMENT) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [Act 543], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the Kingdom of Bahrain) (Amendment) Order 2011**.

**Double taxation relief**

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Kingdom of Bahrain with a view of amending the previous arrangements affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Bahrain tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

**PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT  
BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND  
THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF BAHRAIN  
FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION  
OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME  
SIGNED AT KUALA LUMPUR ON 14 JUNE 1999**

**THE GOVERNMENT OF MALAYSIA**  
**AND**  
**THE GOVERNMENT OF THE KINGDOM OF BAHRAIN**

Desiring to amend the Agreement between the two Governments for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income, signed at Kuala Lumpur on 14 June 1999 (hereinafter referred to as “the Agreement”),

Have agreed as follows:

**Article 1**

That as of 14 February 2002, the State of Bahrain became known as the Kingdom of Bahrain.

**Article 2**

The following new Article shall be inserted after Article 27 (Mutual Agreement Procedure) of the Agreement:

*“Article 27A*

*EXCHANGE OF INFORMATION*

*1. The competent authorities of the Contracting States shall exchange such information as is foreseeably relevant for carrying out the provisions of this Agreement or to the administration or enforcement of the domestic laws concerning taxes of every kind and description imposed on behalf of the Contracting States, insofar as the taxation thereunder is not contrary to the Agreement. The exchange of information is not restricted by Articles 1 and 2.*



2. *Any information received under paragraph 1 by a Contracting State shall be treated as secret in the same manner as information obtained under the domestic laws of that State and shall be disclosed only to persons or authorities (including courts and administrative bodies) concerned with the assessment or collection of, the enforcement or prosecution in respect of, the determination of appeals in relation to the taxes referred to in paragraph 1, or the oversight of the above. Such persons or authorities shall use the information only for such purposes. They may disclose the information in public court proceedings or in judicial decisions. Notwithstanding the foregoing, information received by a Contracting State may be used for other purposes when such information may be used for such other purposes under the laws of both States and the competent authority of the State authorises such use.*

3. *In no case shall the provisions of paragraphs 1 and 2 be construed so as to impose on a Contracting State the obligation:*

- a) *to carry out administrative measures at variance with the laws and administrative practice of that or of the other Contracting State;*
- b) *to supply information which is not obtainable under the laws or in the normal course of the administration of that or of the other Contracting State;*
- c) *to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret or trade process, or information, the disclosure of which would be contrary to public policy (ordre public).*

4. *If information is requested by a Contracting State in accordance with this Article, the other Contracting State shall use its information gathering measures to obtain the requested information, even though that other State may not need such information for its own tax purposes. The obligation contained in the preceding sentence is subject to the limitations of paragraph 3 but in no case shall such limitations be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because it has no domestic interest in such information.*

5. *In no case shall the provisions of paragraph 3 be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because the information is held by a bank, other financial institution, nominee or person acting in an agency or a fiduciary capacity or because it relates to ownership interests in a person.”.*

### **Article 3**

1. Each of the Contracting States shall notify the other through diplomatic channels of the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall enter into force on the date of the later of these notifications, and its provisions shall have effect 30 days after the date of the later notification.

2. This Protocol shall cease to be effective at such time as the Agreement ceases to be effective in accordance with Article 30 of the Agreement.

**IN WITNESS WHEREOF**, the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

Done in duplicate at Manama on this 14<sup>th</sup> day of October 2010, in the Malay, Arabic and English languages, all texts being equally authentic. In the event of any divergence of interpretation and the application of this Protocol, between any of the texts, the English text shall prevail.

**FOR THE GOVERNMENT OF  
MALAYSIA**

**FOR THE GOVERNMENT OF  
THE KINGDOM OF BAHRAIN**

Made 9 May 2011  
[Perb:0.6869/55 Vol.2 (SK.3); PN(PU2)80A/XVI]

**DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH**  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]*